

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan Yang Dihormati,

Risalah Pemberitahuan Produk (PDS) ini bertujuan untuk memberikan anda maklumat yang penting mengenai insurans Liabiliti Produk anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga harus membacanya.**

Maklumat yang terkandung di dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah dari 1 Januari 2026.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah Insurans Liabiliti Produk?

Polisi ini melindungi liabiliti undang-undang anda untuk membayar gantirugi ke atas kecederaan atau kerosakan harta benda yang dialami oleh pihak ketiga disebabkan oleh kecacatan produk yang dibekalkan, diagihkan atau yang dijual. Liabiliti disebabkan oleh kecacatan produk boleh timbul disebabkan oleh kecuaiian di dalam proses pengeluaran, rekaan, simpanan, bungkusan ataupun pemasaran termasuk informasi produk seperti memberi gambaran yang salah, kegagalan memberi amaran atau arahan penggunaan.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Bagi insurans ini, anda akan mendapat perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini mengecualikan:
<p>Insurans Liabiliti Produk menyediakan indemniti terhadap pengeluar, pengagih atau pembekal produk terhadap apa-apa potensi dedahan liabiliti. Pencadang perlu menetapkan had indemnity bersesuaian yang setaraf dengan potensi dedahan liabiliti. Had Wilayah yang dilindungi adalah bergantung kepada di mana produk itu dipasarkan atau diekspot.</p> <p>Liabiliti Produk melindungi Pihak Diinsuranskan terhadap semua jumlah (termasuk kos dan lain-lain perbelanjaan) yang Pihak Diinsuranskan akan menanggung untuk membayar sebagai pampasan kerosakan ke atas kejadian yang berlaku di mana-mana di dalam Had Wilayah ke atas kecederaan atau kehilangan atau kerosakan harta benda berpunca dari tuntutan yang dibuat secara bertulis terhadap Pihak Diinsuranskan semasa tempoh polisi disebabkan oleh kemalangan selepas Tarikh Retroaktif.</p> <p>Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui insurans anda setiap tahun dengan menghantar borang cadangan yang lengkap untuk pertimbangan pembaharuan.</p>	<p>Polisi ini tidak melindungi:</p> <ul style="list-style-type: none">• Liabiliti Kontraktual• Risiko perang dan mana-mana tindakan keganasan• Risiko radioaktif dan tenaga nuclear• Jaminan Produk• Panggilan balik produk• Kerosakan terhadap produk itu sendiri• Denda, penalti, gantirugi kecairan, gantirugi punitive atau tuntutan telada <p><i>Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.</i></p>

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans Liabiliti Produk anda boleh:



Hubungi kami di
+603-2633 8999



Lawati laman sesawang kami di:
[Product Liability Insurance](#)



E-mel kami di:
customerservice@pacificinsurance.com.my

3. Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan seperti produk yang akan dilindungi, anggaran hasil jualan, had wilayah dan kuasa undang-undang, had indemnity dan eksek.

Kadar untuk sesuatu produk bergantung kepada dedahan risiko yang boleh disabitkan. Sebagai contoh, Liabiliti Produk untuk barangan elektrik adalah lebih tinggi daripada barangan plastik.

Anda juga dikehendaki membayar kos dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028 dengan syarat jika pemegang polisi adalah seorang individu, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM150; atau ialah MSME dengan syarat sijil MSME yang sah mesti diserahkan, dan premium kasar tahunan tidak melebihi RM250)
Komisen	15% daripada premium (termasuk dalam Jumlah Premium yang perlu dibayar)
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium

4. Terma-terma penting yang lain

- Setiap permohonan mestilah dihantar bersama-sama dengan borang cadangan yang lengkap, risalah dan sijil perakuan.
- Anda tidak harus mengakui, menawar, menjanjikan atau membayar kepada pihak menuntut tanpa kebenaran bertulis daripada pihak kami.
- Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi premium pro rata pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.
- Anda dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan dan apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai berkaitan.
- Anda mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium berdasarkan tempoh insurans belum tamat tertakluk kepada premium minimum pihak kami.

The Pacific Insurance Berhad boleh membatalkan polisi ini atau insurans berkenaan dengan mana-mana Orang Yang Diinsuranskan pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis selama 7 hari kepada anda. The Pacific Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda bahagian berkadar premium yang bersamaan dengan tempoh insurans yang belum tamat, dengan syarat tiada tuntutan timbul semasa tempoh insurans.

Jika anda mempunyai sebarang aduan, sila hubungi kami di:

Unit Pengawasan Aduan

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan maklum balas kami, anda boleh menghubungi pihak berikut:

(a) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Tel: 1-300-88-5465 Faks: +603-2174 1515 Borang Sesawang: bnm.gov.my/BNMLINK

(b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: +603-2272 2811 Laman Sesawang: www.fmos.org.my